

# PM lancar Lebuhraya Pan Borneo Sabah Zon Timur

BH- 7/11/2021 m/s 2

**Projek babit tiga pakej sepanjang 58km dengan kos RM877 juta**

Oleh Hazsyah Abdul Rahman  
bhnew@bh.com.my

**Kinabatangan:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam melancarkan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Zon Timur jajaran Sandakan-Kinabatangan-Beluran-Telupid.

Projek itu memabitkan tiga pakej iaitu Pakej 28, 29 dan 30 meliputi sepanjang 58 kilometer (km) dengan kos pembinaan RM877 juta.

Beliau berkata, skop projek itu memabitkan kerja menaik taraf daripada dua lorong dua hala kepada empat lorong dua hala, pembinaan tiga jambatan baharu, dan satu persimpangan bertingkat.

"Apabila siap kelak, laluan ini akan menyediakan akses perhubungan darat yang selesa, cekap dan selamat kepada penduduk," katanya pada majlis pelancaran Lebuhraya Pan Borneo Zon Timur, di Dataran Tamu, di sini.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Dr Maximus Ongkili; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin; dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Arthur Joseph Kurup.

Ismail Sabri berkata, pembinaan bagi projek berkenaan bermula bulan ini dan dijadualkan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun iaitu pada Oktober 2024.

Katanya, lebuhraya berkenaan juga akan mempermudah urusan logistik dan pasaran hasil pertanian di Telupid serta mampu merencanakan kegiatan pelancongan di sekitar Sandakan.

"Pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah membuktikan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rangkaian infrastruktur jalan raya yang terancang, sistematik dan efisien, buat Keluarga Malaysia di sini.

"Ia sekali gus memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih baik dan dapat memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini, selari dengan hala tuju strategik Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan," katanya.

Pada sidang medianya, Perda-

na Menteri berkata, kerajaan akan melihat kepada penggunaan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dalam mempercepatkan lagi pembinaan Lebuhraya Pan Borneo.

"Kalau tiada bajet, kita ada alternatif iaitu PFI. Tapi kita kena cari kaedah terbaik di bawah PFI sebab (lebuhraya) Pan Borneo ini tidak boleh ada kutipan tol kerana ini adalah janji kerajaan.

"Terdapat kelewatan pelaksanaan (projek) apabila kerajaan terdahulu membatalkan konsep PDP (Rakan Pelaksana Projek), justeru pada masa ini kita mesti cari jalan untuk pastikan projek ini dilaksana cepat untuk rakyat, antaranya PFI ini yang sedang dikaji dan dibincangkan," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri turut meluluskan serta-merita tiga projek pembinaan bagi daerah Kinabatangan.

Ia memabitkan pembinaan Dewan Serbaguna Pekan Kinabatangan dengan anggaran kos RM6 juta, Pasar Awam Kinabatangan (RM5 juta) dan Pusat Pelupusan sampah (RM3 juta).

Ia sebahagian daripada 105 projek baharu dengan kos RM1.9 bilion akan dilaksanakan di Sabah, antaranya menaik taraf jalan, projek bekalan elektrik dan air bersih.